

<http://www.astroawani.com/berita-sukan/awanirangers-aksi-tiga-beradik-di-final-liga-bola-sepak-sri-gading-jadi-tumpuan-170139>

#AWANIRangers: Aksitigaberadik di final Liga Bola Sepak Sri Gadingjaditumpuan

11 Mac 2018



**Keserasian yang telahdibinasejakdariawalinibanyakmembantumerekauntukbekerjasama -
Foto AWANI Rangers UTHM**

BATU PAHAT: Menyedarikepentingansukansebagai medium pembentukanperpaduandalamkalanmasyarakat, Parlimen Sri Gadingtelahmenganjurkansebuahkejohanan bola sepaktahunan 'Liga Bola Sepak Sri Gading' yang telahmelabuhkantirainyapada 3 Mac lalu.

Bertempat di Stadium UniversitiTun Hussein Onn Malaysia(UTHM) Parit Raja, BatuPahat Johor, perlawananakhirantaraTongkang Armada FC danFelcra Sri Wangi menyaksikan pasukanFelcra Sri Wangi munculjuaraligadanberjayamembawapulangwangtunaiberjumlah RM5,000.

Tongkang Armada FC yang disertaiolehbeliakawasanTongkangPechahbagaimanapuntelahmemberikansainganhebatpadaperla wanakhir munculsebagai naibjuaradanmembawapulangwangtunaiberjumlah RM3,000.

Perlawanan akhir tersebut berlangsung dengan meriah dengan kehadiran penyanyi Iotai Nash dan Amy Search dan telah disempurnakan oleh Ahli Parlimen Sri Gading, Datuk Aziz Kaprawi merangkap Timbalan Menteri Pengangkutan Malaysia dan Timbalan Menteri Mentor UTHM.

Apa yang menarik di sebalik kemenangan ini, pasukan Tongkang Armada FC ini telah membariskan tiga beradik dan dua daripadanya adalah pelajar UTHM merangkap penghuni Kolej Kediaman Pagoh.

Muhamad Fadhli Nor Mohd Saim, 25 tahun, Muhamad Syazrul Nor Mohd Saim, 20 tahun dan Zikry Ashraf Nor Mohd Saim, 22 tahun merupakan trio adik-beradik dan barisan pemain muda dalam pasukan ini.

Menurut Muhamad Fadhli, legasid dan warisan memminatkan bola sepak ini telah diwaris dari pada arwah bapa mereka yang juga merupakan penggemar dan penggiat sukan bola sepak.

Pemergian bapa mereka telah memberikan suntikan semangat untuk lebih berusaha keras dalam sukan bola sepak.

Di samping itu, sokongan dan alakan dari pada ibu mereka, Maslina Salem juga telah membangkitkan semangat adik beradik ini untuk terus menglibatkan diri dalam sukan ini.

Tambah Muhamad Fadhli, minat mereka dalam bola sepak telah diasah sejak kecillagimela lalui latihan dan penyertaan dalam pelbagai pertandingan.

Keserasian yang telah dibina sejak dari awal ini banyak membantunya untuk bekerjasama dan memberikan yang terbaik semasa beraksi di padang.

Muhammad Syazrul yang juga merupakan pemain bola sepak bagi Kolej Kediaman Pagoh Satu, juga telah menyertai pelbagai kejohanan bola sepak anjuran UTHM dan telah memenangi beberapa pertandingan bersama pasukannya, Opel FC.

Hubungan yang terbina di antara tiga beradik ini sehingga berjaya memperoleh kejayaan yang membanggakan ini sememangnya satu kisah yang boleh dijadikan sebagai inspirasi dan teladan kepada semua remaja untuk terus berusaha dan mengamalkan ertiputusasan bekerjasama demi kejayaan pasukan.

****Laporan ini disediakan oleh Awani Rangers, Amirul Faiz dan Anbia Adam dari Universiti Tun Hussein Onn Malaysia (UTHM). Suntingan oleh Puan Suriyati Binti Baharom.***

*****AWANI Rangers ialah inisiatif Astro AWANI bagai menggalakkan pelajar Institut Pengajian Tinggi untuk berkongsi cerita serta menghasilkan bahan berita dan informasi dalam era kewartawan moden.***

******AWANI Rangers UTHM ialah inisiatif kerjasama strategik Astro AWANI dan Universiti Tun Hussein Onn Malaysia (UTHM).***